



BICARA EKSKLUSIF

Gagasan ekonomi
YaPEIM bantu
masyarakat



Menteri arah siasat
murid terima
kasut, seluar
salah saiz

4



3

Pegawai kementerian buat laporan kepada SPRM
berhubung isu pencerobohan tanah di Medan Imbi

Siasat segera



ZULHAZMI (dua dari kanan) menunjukkan dokumen berkaitan penyelewengan dua lot tanah Medan Imbi selepas membuat laporan di ibu pejabat SPRM, Putrajaya, Rabu lalu. Hadir sama (dari kiri) Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Sharez Izuan Md. Zaidi; Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Azli Yusof dan Setiausaha Sulit Kanan menteri, Zulkefli Mohd. Nani (kanan).

TIGA pegawai pejabat Menteri Wilayah Persekutuan mengiringi pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan tanah di Medan Imbi, Kuala Lumpur.

Mereka membuat laporan itu bagi memohon SPRM menjalankan siasatan berikutan pencerobohan tanah milik PTG itu oleh sebuah syarikat swasta dengan

mendirikan bangunan enam tingkat serta gerai buah-buahan di atas dua lot tanah yang sepatutnya menjadi kawasan hijau dan taman permainan kanak-kanak.

Laporan itu dibuat berikutan pendendaan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad bahawa dua lot tanah milik kerajaan yang bernilai puluhan juta ringgit telah diceroboh. PTG KL pula telah mengeluarkan notis agar tanah itu dikosongkan dengan segera.

Mohon siasatan ke atas kes dua tanah lot di Medan Imbi dicerooboh

PTG, pegawai menteri lapor SPRM

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan bersama pegawai pejabat Menteri Wilayah Persekutuan membuat laporan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan pencerobohan dua lot tanah di Medan Imbi, Kuala Lumpur.

Pegawai Tugas-Tugas Khas II Menteri Wilayah Persekutuan, Zulhazmi Shariff berkata, laporan dibuat selepas pihaknya mendapati terdapat penyelewengan dan salah-laku dalam perancangan serta pembinaan bangunan enam tingkat dan bangunan kekal di atas kedua-dua lot tanah milik PTG yang bermula pada 2016.

"Kita merasakan ada pihak-pihak tertentu yang terlibat dalam proses ini mendapat habuan, imbuhan dan sogokan daripada pihak syarikat atau sebagainya.

"Jadi kita minta SPRM siasat dengan lebih terperinci kerana laporan yang kita dapat daripada pihak PTG dan Jabatan Integriti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak begitu lengkap yang mana terdapat kronologi, maklumat tetapi tidak terperinci khususnya hubungan-hubungan antara pihak yang meluluskan kebenaran merancang

serta perintah bangunan di atas tanah tersebut malah proses berlaku dalam masa yang singkat," katanya di hadapan bangunan SPRM Putrajaya di sini.

Minggu lalu, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad mengarahkan pegawai di kementeriannya membuat laporan SPRM selepas mendapati terdapat penyelewengan penggunaan tanah milik kerajaan.

Menurut Zulhazmi, pihaknya mendapati terdapat keraguan dalam kelulusan kebenaran merancang di atas tanah yang bukan milik syarikat yang membina mahupun DBKL malah proses pembinaan tersebut dilakukan dalam tempoh kurang dua tahun yang mana bangunan enam tingkat siap diduduki pada Februari tahun lalu.

Ujar beliau, lebih menghairankan apabila syarikat tersebut turut mengenakan bayaran sewa kepada penghuni dan peniaga di atas tapak tersebut yang jelas melanggar beberapa akta tertentu termasuk Kanun Tanah Negara.

Sehubungan itu, beliau menggesa supaya SPRM menyiasat bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berikutan terdapat minit daripadanya; bekas pengarah di DBKL serta pegawai-pegawai yang menguruskan proses kebenaran merancang dan pembangunan yang terlibat dalam kes ini.



ZULHAZMI (dua dari kanan) menunjukkan dokumen berkaitan penyelewengan dua lot tanah Medan Imbi bersama (dari kiri) Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Sharez Izuan Md. Zaidi; Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Azli Yusof dan Setiausaha Sulit Kanan menteri, Zulkefli Mohd. Nani (kanan).

Acara berkualiti disediakan untuk warga kota

KUALA LUMPUR - Hari Wilayah Persekutuan 2019 yang bakal disambut pada 1 Februari ini antara program tahunan yang ditunggu-tunggu warga kota.

Ini kerana sambutan tersebut turut menyediakan 21 acara mingguan yang melibatkan seluruh warga ibu kota, Labuan dan Putrajaya.

Pekerja swasta, Muhd. Nurhamzi Abdul Ghani, 25, dari Labuan berkata, sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini amat dinanti-nantikan kerana pelbagai acara menarik disediakan untuk warga Labuan antaranya karnival sukan dan kenduri rakyat selain sesi ramah mesra bersama Menteri Wilayah Persekutuan.

Ujarnya, sebagai warga Labuan, aktiviti-aktiviti sedemikian dapat me-

nyumbang kepada perkembangan sektor pelancongan dan pembangunan ekonomi penduduk setempat.

"Malah kami juga berpeluang berjumpa dengan menteri dan menyuarakan pendapat atau membuat aduan bagi pembangunan penduduk setempat. Aktiviti-aktiviti yang direncanakan juga amat menarik dan melibatkan semua golongan masyarakat," katanya kepada Wilayahku.

Bagi pembantu farmasi, Nazlinda Ahmad Nazri, 26, pula, rasa teruja untuk turut menyertai acara keramaian sempena Hari Wilayah Persekutuan bermula selepas rakannya menunjuk-



KAKITANGAN DBKL mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

kan kalendar aktiviti sempena sambutan tersebut.

Beliau yang pertama kali menyambut Hari Wilayah Persekutuan berkata, pengisian yang disediakan amat menarik dan dilihat dapat mengeratkan hubungan antara kaum terutamanya kenduri rakyat, karnival sukan dan pertandingan memancing.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad

memberitahu, 'Sayangi Wilayahku' diangkat sebagai tema sambutan ke-15 tahun ini seiring dengan integrasi nasional dan penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk.

"Sebanyak 21 acara dianjurkan sempena Hari Wilayah Persekutuan sepanjang Februari ini berbanding 35 program pada tahun lalu ekoran pengurangan bajet tetapi kerajaan memberi jaminan setiap program yang dianjurkan itu adalah berkualiti," katanya selepas melancarkan kempen kibar bendera sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 di sini baru-baru ini.

Khalid memberitahu, sebanyak 35,000 helai bendera diedarkan secara percuma kepada bangunan kerajaan, swasta, taman perumahan dan ahli komuniti manakala 1,000 bendera diagihkan kepada orang ramai di sekitar lokasi terpilih iaitu bangunan Majlis Amanah Rakyat (Mara), pusat beli-belah Sogo dan Berjaya Times Square.

Difahamkan bajet program Hari Wilayah Persekutuan tahun ini adalah separuh daripada jumlah yang diterima tahun lalu iaitu kira-kira RM3.37 juta.



NOR AZMY



NAZLINDA

Gagasan ekonomi YaPEIM bantu masyarakat

MUKADDIMAH

MASALAH kenaikan kos sara hidup sebenarnya boleh ditangani dengan berkesan sekiranya terdapat satu gerakan bersepadu termasuk melibatkan aktiviti perniagaan sosial.

Dalam hal ini, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) tampil sebagai sebuah agensi yang menumpukan pembangunan ekonomi untuk kebajikan masyarakat.

Wartawan Wilayahku, **HELMI MOHD. FOAD** menemui Ketua Pengarah YaPEIM, **DATUK ABIBULLAH SAMSUDIN** untuk berkongsi gagasan ekonomi ummah yang sedang dibangunkan agensi tersebut.

WILAYAHKU: Apakah tugas penting yang digalas YaPEIM dalam membantu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat di negara ini.

ABIBULLAH: YaPEIM mempunyai tiga teras aktiviti iaitu bisnes sosial, bisnes komersial dan pembangunan sosioekonomi serta amal jariah. Kita bergerak dalam tiga dimensi ini.

Bisnes sosial ini, walaupun merupakan satu perniagaan, ia pentingkan kebajikan masyarakat.

Perkara ini melibatkan aktiviti al-Rahnu, program pemborongan dan pembekalan serta ibadat korban.

Dalam al-Rahnu ia merupakan satu program perniagaan tetapi kita mengenai kadar caj yang kecil berbanding pajak gadai konvensional iaitu pada kadar dua peratus daripada pinjaman.

Di al-Rahnu, kita caj pada kadar yang kecil, bukan kepada pinjaman tapi barang yang disimpan, contohnya bagi setiap 100 nilai marhun (nilai barang kemas), kita hanya caj 3 sen sehari.

Kita guna hari kerana bagi orang Pantai Timur, wanita mereka ada emas dan sering gadaikan untuk dijadikan modal bisnes, lepas seminggu mereka tebus balik. Jadi kalau kita kenakan caj sebulan, ia tidak menarik para pelanggan.

Kita ada kira-kira 166,000 rekod e-Kasih iaitu mereka yang miskin di seluruh negara dan golongan di bawah paras miskin tegar. Kumpulan ini menikmati upah simpan setiap 100 nilai marhun dia dicaj 10 sen sahaja selama enam bulan dan boleh lanjut dua bulan lagi.

Kedua, program pemborongan dan bekalan ini sebenarnya untuk bantu peniaga kedai runcit terutama

di kampung-kampung yang sekarang sudah dapat perhatian orang ramai berbanding dahulu orang gemar pergi ke pasar raya besar.

Orang sekarang kian malas, dengan pasar raya yang bersaiz luas, hanya hendak beli beberapa barang, susah nak parking. Jadi apa yang dibuat sekarang, ada pasar raya sudah sediakan khidmat penghantaran barang ke rumah-rumah.

Lapan peratus sahaja orang pergi pasar raya, bakinya duduk di rumah dan ada gunakan kaedah pembelian secara online.

Jadi YaPEIM mahu mendekati masyarakat agar dapat guna barang lebih murah dan dekat dengan rumah. Sekarang kedai runcit dapat bekalan daripada van jualan yang masuk ke kampung. Harga sudah empat hingga lima lapisan daripada pembekal utama. Apa yang berlaku harga jualan akan mahal.

Jadi YaPEIM akan membuat pembelian pukal dan tubuhkan gudang dinamakan Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Wilayah (RCDC) di beberapa lokasi di utara dan Lembah Kelang. Tujuannya untuk bekalkan barangan kepada kedai-kedai runcit dengan harga lebih murah supaya dapat dijual pada harga lebih murah kepada pengguna. Apabila mereka memperoleh barangan daripada YaPEIM dengan harga murah, peniaga tidak boleh jual dengan harga yang mahal kepada orang ramai.

Ini boleh membantu masyarakat yang merungut tentang kenaikan kos sara hidup.

“Kita ada kira-kira 166,000 rekod e-Kasih iaitu mereka yang miskin di seluruh negara dan golongan di bawah paras miskin tegar. Kumpulan ini menikmati upah simpan setiap 100 nilai marhun dia dicaj 10 sen sahaja selama enam bulan dan boleh lanjut dua bulan lagi.”

WILAYAHKU: Bagaimana tumpuan diberikan untuk golongan B40?

ABIBULLAH: Pada tahun ini kita akan wujudkan 100 buah Pusat Pertumbuhan Ekonomi (CEG), kita pilih di kawasan nelayan biasanya kawasan pendaratan ikan dengan di situ ada sistem kontena mudah alih yang akan memuatkan bekalan minyak diesel bersubsidi untuk kegunaan nelayan.

Sekarang mereka hendak dapatkan bekalan diesel agak jauh. Ada di Sabah hingga terpaksa pergi sejauh 38 kilometer.

Sekarang jauh, paling dekat lima kilometer. Jadi apabila kita dekatkan dengan mereka, maka kos menjadi lebih rendah atau hampir kosong kerana nelayan tidak perlu pergi jauh.

Di CEG juga kita akan tempatkan kedai serbaneka (mart) dan al-Rahnu.

Nelayan kalau di musim tengkujuh, mereka tidak ada duit, mereka pergi kepada orang tengah termasuk ah long. Jadi untuk pinjam kita sediakan

kemudahan gadaian al-Rahnu, walaupun sekecil mana emas mereka ada, ia tetap ada nilai. Kita bantu mereka agar tidak bergantung kepada orang tengah.

Di situ juga kita akan menempatkan kaunter Pos Malaysia atau jadi ejen dia. Ini bolehkan nelayan pasarkan sendiri produk makanan laut. Dengan bantuan YaPEIM, mereka tidak perlu lagi melalui orang tengah.

Macam ikan bilis mata biru, di Sabah harganya RM18 sekilogram (kg) tetapi di Kuala Lumpur sampai RM70 kg.

Peniaga boleh terus kepada usahawan melalui pos yang dihantar ke Kuala Lumpur. Tidaklah nanti sambal nasi lemak kita hanya ada bawang. Kalau program ini lancar akan ada banyak ikan bilis dalam nasi lemak kita.

Kita juga boleh bantu usahawan nelayan dengan wujudkan industri kecil sederhana di CEG kerana dalam rancangan kita hendak wujudkan pusat pengeringan, nelayan tidak perlu lagi jemur secara terbuka dan ia lebih ber-

